

# Asma dilantik Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi baharu

SEREMBAN 3 Jun - Prof. Datuk Dr. Asma Ismail menamatkan khidmatnya sebagai Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) apabila dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi berkuat kuasa 31 Mei lalu.

Pelantikan Asma oleh Kementerian Pendidikan untuk menerajui Jabatan Pengajian Tinggi itu adalah bagi menggantikan Prof. Datuk Dr. Morshidi Sirat yang melepaskan jawatan berkenaan selepas mengemukakan persaraannya.

Asma yang merupakan Naib Canselor ketiga USIM dilantik untuk menjalankan tugas rasminya di universiti berkenaan bermula 1 Disember 2012.

Meskipun dalam tempoh singkat,

kepimpinan dan ketokohan Asma sepanjang menjadi Naib Canselor amat disegani dan dihormati selain berupaya menempa pelbagai kejayaan manis bagi universiti berkenaan.

Antara penekanan serta fokus Asma ketika menjadi Naib Canselor USIM adalah untuk menjenamakan dan meletakkan USIM sebagai sebuah universiti yang unik, ulung, dikenali dan terkehadapan melalui integrasi ilmu naqli dan aqli.

Sebagai sebuah universiti yang berteraskan pengajian Islam, kekuatan itu telah dimanfaatkan untuk memperkasa sains Islam melalui slogan *Mempelopori Sains Islam, Memimpin Keilmuan*.

Antara sumbangan lain, Asma tu-

rut merangka Pelan Strategik USIM (2013-2025) untuk melihat agenda integrasi ilmu naqli dan aqli terus diperkukuhkan seterusnya meletakkan USIM sebagai universiti berteraskan Islam yang menjadi rujukan, dihormati dan relevan menjelang 2025.

Idea beliau dalam menubuhkan Institut Sains Islam (ISI), Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) dan Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf (PPPW) serta perhatian serius kepada pembangunan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan dalam kalangan ahli akademik dan penuntut telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

Sementara itu, dalam bidang penyelidikan dan inovasi, USIM ber-

jaya membida geran berjumlah RM5 juta di bawah Niche Research Grant Scheme (NRGS) untuk penyelidikan Makanan Sunnah, merangkul pingat emas dan Anugerah Khas di British Invention Show (BIS) London serta pingat emas di pameran penyelidikan utama seperti PECIPTA, I-TEX, I-INOVA dan NRIC.

Di samping itu, beliau juga terlibat dalam penubuhan Kerusi Akademik, Anugerah Akademik Negara kategori Penulisan Jurnal Terbaik, Buku Terbaik di Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) serta pembangunan Klinik Pakar dan Pusat Hemodialisis melalui kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) melalui pembiayaan wakaf.



**ASMA Ismail (kiri) menerima cenderamata daripada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah (tengah) selepas menamatkan tugas rasminya sebagai Naib Canselor USIM berkuat kuasa 31 Mei lalu di Nilai, Seremban, baru-baru ini.**